



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

TINGKAT 11, MENARA TH PERDANA,
JALAN SULTAN ISMAIL,
50250 KUALA LUMPUR

Tel: 603-2612 5600

Fax : 603-2612 5620

Email: humanrights@suhakam.org.my

Web: www.suhakam.org.my

EDITOR, MEJA BERITA/RENCANA

SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

Tahap toleransi dan rasa hormat yang tinggi diperlukan di dalam menangani isu agama

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) memandang serius dan amat bimbang terhadap tindakan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) dan pihak polis dalam menyerbu premis Persatuan Bible Malaysia (BSM) dan cara serbuan seperti yang dilaporkan, serta penangkapan ke atas Presiden BSM Lee Min Choon, dan pengurus Sinclair Wong pada 2 Januari 2014.

Suruhanjaya berpendapat bahawa adalah amat penting bagi pihak berkuasa dalam menjalankan tugas mereka, melaksanakan kuasa dan budi bicara mereka mengikut undang-undang dan sejajar dengan prinsip-prinsip hak kepada perbicaraan yang adil dan hak untuk mendapat perlindungan samarata di sisi undang-undang sepertimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan dan Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR).

Suruhanjaya juga menyeru pihak berkuasa untuk menghormati dan memastikan hak semua rakyat kepada kebebasan beragama, termasuk hak semua komuniti untuk menganut dan mengamalkan agama mereka secara bebas, seperti yang dijamin di bawah Perkara 11 dalam Perlembagaan Persekutuan dan Perkara 18 dalam UDHR.

Memandangkan bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai pelbagai budaya dan agama, Suruhanjaya berpandangan bahawa adalah penting bagi rakyat Malaysia dari semua lapisan masyarakat untuk menunjukkan tahap toleransi agama dan rasa hormat yang lebih tinggi di dalam menangani isu agama dan kebudayaan.

-TAMAT-

“HAK ASASI UNTUK SEMUA”

Datuk Dr Khaw Lake Tee

Naib Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

4 Januari 2014